

UMNO Sabah sambut baik wujudkan peraturan berkempen

UMNO 24 JUL 2002

KOTA KINABALU 23 Julai — UMNO Sabah menyambut baik cadangan supaya undang-undang dan peraturan diwujudkan bagi mengubah sikap dan ketertiban semasa berkempen dalam pilihan raya.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Musa Aman berkata, peraturan baru itu dapat mengelak berulang insiden pergaduhan yang melampaui batas undang-undang sebagaimana yang berlaku semasa kempen pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah baru-baru ini.

Katanya, peraturan sedemikian jika ada dalam pilihan raya akan datang akan membolehkan pengundi menilai calon dengan lebih bijak sebelum membuat pilihan masing-masing.

“Kita harus menjauhi daripada berkempen menggunakan emosi, perasaan hasad dengki dan mencaci...ini harus tidak wujud kerana ia membawa kepada perasaan yang tidak baik.

“Dan perbuatan itu tidak mencerminkan budaya masyarakat kita sebagai masyarakat Timur yang bersopan-santun,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan “Seminar Pemikiran Mahathir” di Wisma Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) di sini, hari ini.

Ahad lalu, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan mengkaji peraturan berkempen ketika pilihan raya yang dianggap semakin keterlaluan dan melampau.

Katanya, walaupun kajian itu dilakukan, tetapi kerajaan tetap bertanggungjawab untuk menerangkan kepada rakyat bagi mengelakkan mereka daripada melakukan kesilapan ketika memilih dalam pilihan raya.

“Di satu pihak, kerajaan mesti kaji tetapi di pihak yang lain, kita sendiri mesti buat kerja untuk menerangkan kepada rakyat kerana kita lihat dan berasa kecewa orang yang buat benda tak baik dipilih dan orang yang buat benda baik ditolak,” katanya.

Musa yang juga Menteri Kewangan Sabah berkata, semua bahagian UMNO negeri itu yang terlibat dalam kempen di Kedah dalam pilihan raya kecil lalu telah diingatkan supaya mengamalkan kempen secara tertib dan berhemah.

Katanya, mereka dinasihatkan supaya sentiasa menjaga tata tertib dan serta jangan mencampurkan sifat hasad dengki dan dendam kesumat.

“Ini penting dan Insya-Allah saya akan pastikan kita mengadakan kursus tertentu kepada ahli-ahli supaya semasa berkempen dan mengadakan perjumpaan perlu bertertib dan menunjukkan adab sopan yang mulia,” jelasnya.